

BH 24/12

Harga minyak mentah jatuh pada Jumaat dalam dagangan sempit di Asia menjelang cuti umum Krismas dan tahun baharu menghapuskan keuntungan awal dalam sesi dagangan awal apabila pelabur mula menebus keuntungan masing-masing.

Harga minyak mentah bagi kontrak penghantaran Februari jatuh 19 sen atau 0.4 peratus kepada AS\$54.86 satu tong pada 0755 GMT selepas berakhir tinggi 1.1 peratus pada Khamis lalu.

Minyak mentah WTI jatuh 28 sen atau 0.5 peratus kepada AS\$52.67 satu tong selepas naik 0.9 peratus dalam sesi sebelumnya.

“Terdapat aktiviti pengambilan untung selepas sesi rali sebelum ini. Harga minyak turut lebih lemah disebabkan pengukuhan Do-

lar AS,” kata Ketua Pelaburan Ayers Alliance, Jonathan Barratt, di Sydney.

“Secara keseluruhannya dolar AS dan komoditi melonjak sama ada sebagai petunjuk terhadap permintaan atau keperluan untuk lebih pembekalan,” katanya.

Indeks dolar pada Jumaat naik tetapi masih di bawah paras tertinggi sepanjang 14-tahun 103.65 yang dicapai awal minggu ini.

Pengukuhan lanjutan dolar AS menjadikan komoditi yang didagangkan dalam mata wang itu lebih mahal bagi mata wang lain termasuk minyak mentah.

Harga minyak didagangkan sekitar paras tertingginya sejak pertengahan 2015, disokong oleh persetujuan OPEC dan bukan OPEC untuk mengurangkan hampir 1.8 juta bpd bermula Januari.

**Fakta
nombor**

AS\$54.86
SATU TONG

Harga minyak mentah bagi
kontrak penghantaran
Februari